

# 284 jemaah haji Malaysia selamat tiba di Madinah

**Inisiatif 'Makkah Route' dilancar Arab Saudi permudah proses ketibaan**

Daripada  
Syuhada Choo  
Abdullah

di Madinah

**Seramai** 284 jemaah haji yang menaiki penerbangan pertama (KT1) dari Malaysia, selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammad Bin Abdulaziz,

di sini, semalam.

Mereka yang merangkumi 131 jemaah lelaki dan 153 wanita, selamat tiba pada jam 7 pagi dengan pesawat Malaysia Airlines, sebelum dibawa dengan menaiki tujuh bas ke zon penginapan di Hotel Saja Al-Madinah.

Ketibaan di hotel disambut oleh Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Wan Zaidi Wan Abdullah.

Hadir sama pihak pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) meliputi Timbalan Ketua Rombongan Haji (Kebajikan), Nurrinanuwar Shamsuddin; Timbalan Ketua Rombongan Haji (Perubatan), Dr Abdul Marsudi Manah; Konsul Haji, Mohammed Heikal Mohamed Yusoff; dan Pengarah Operasi Madinah, Ashrof Shamsuddin, bersama petugas haji bagi musim 1444H/2023M.

Wan Zaidi berkata, ketibaan KT1 berjalan amat lancar dengan



Wan Zaidi menyambut ketibaan kumpulan pertama jemaah haji Malaysia di Hotel Saja Al-Madinah.

(Foto Syuhada Choo Abdullah/BH)

jemaah haji terus dibawa menaiki bas untuk ke hotel penginapan sebaik sahaja pesawat mendarat, tanpa perlu menunggu lama di lapangan terbang.

#### Tak perlu menunggu lama

Katanya, proses terabit menjadi sangat mudah hasil pelaksanaan inisiatif 'Makkah Route' atau 'Jalan ke Makkah' yang telah dilancarkan sebelum ini oleh Kerajaan Arab Saudi.

Beliau berkata, program itu secara langsung memudah cara kemasukan jemaah haji Malaysia di Madinah dan Jeddah, berikutan semua urusan dokumentasi berkaitan ketibaan di lapangan terbang sudah dilakukan di tanah air sebelum Dhuyufurrahman berangkat ke Tanah Suci.

"Sebelum pelaksanaan 'Makkah Route', jemaah haji perlu beratur ramai-ramai serta terpaksa

melalui proses pengambilan cap jari dan sebagainya diikuti pasport dicap, apabila tiba di lapangan terbang di Madinah atau Jeddah.

"Tentunya dalam ramai-ramai itu akan ada masalah seperti pasport hilang atau tidak boleh dibaca oleh mesin (pengimbas) tetapi sekarang masalah sebegini tidak lagi timbul."

"Sebaik turun dari pesawat, mereka menaiki bas dan dibawa ke hotel penginapan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi; Penjaga Dua Tanah Haram, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud; dan Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Mohammed Salman Al-Saud, kerana memberi kepercayaan kepada Malaysia untuk melaksanakan inisiatif 'Makkah Route'.

Wan Zaidi berkata, pelaksanaan program itu hanya membabit-

kan negara tertentu, dengan Malaysia antara yang terawal dipilih menjayakannya.

Setakat ini, katanya, hanya tujuh negara dipilih melaksanakan inisiatif 'Makkah Route', iaitu Malaysia, Pakistan, Turkiye dan Maghribi pada fasa pertama, diikuti Bangladesh, Indonesia serta Nigeria pada fasa kedua.

Beliau berkata, antara faktor pemilihan Malaysia ialah negara berjaya mencatat rekor pengurusan jemaah haji paling teratur, terkehadapan dan terbaik secara holistik di bawah TH sebagai organisasi tunggal mengendalikannya dengan sistem yang baik, selain pemusatan lokasi penerbangan jemaah haji di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), secara langsung memudahkan Kerajaan Arab Saudi berurusan dalam hal berkaitan.